



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 17 APRIL 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	'SISA PLASTIK LAGI BANYAK DARIPADA IKAN', LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 2	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	73,098 TAN METRIK SISA PLASTIK KE LAUTAN SETIAP TAHUN, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 3	
3.	USAHA TANGANI PENCEMARAN TERUS DIPERHEBAT, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 3	
4.	KADA NAIK TARAF PAM AIR TANGANI GANGGUAN BEKALAN PADI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 6	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
5.	HASIL TANGKAPAN NELAYAN MAKIN MEROSOT, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 3	LAIN - LAIN
6.	MOHON KAD FLEET BAGI SEMUA JENTERA PERTANIAN PADI, NEGARA, KOSMO, M/S – 12	
7.	KENAIKAN INSENTIF IPKP TIDAK MEMADAI, PESAWAH TUNTUT KAD FLEET, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 11	
8.	SELANGOR UNVEILS FIRST PHASE OF ECONOMIC PACKAGE, NATION, NEW STRAITS TIMES, M/S – 3	
9.	KERAJAAN TERENGGANU UMUM MORATORIUM SPMT 12 BULAN BUAT PETANI, NELAYAN, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 4	
10.	MELAKA BAKAL PERKENAL TIGA INISIATIF RINGKANKAN BEBAN RAKYAT, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 5	
11.	'NAK DAPAT RM30 SEHARI PUN SUSAH', NELAYAN DI PENERANG BIMBANG PENDAPATAN KIAN MENURUN SUSULAN BERDEPAN PELBAGAI ISU, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 18	
12.	PERLU PROAKTIF HADAPI LONJAKAN HARGA BERAS, ELAK 'LAGU LAMA' BERULANG, MINDA PENGARANG, NASIONAL, M/S – 2	
13.	SUHAITI BERMULA DARI REBAN KECIK BELAKANG RUMAH, EKONOMI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 31	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2026	HARIAN METRO	LOKAL	2

Kuala Lumpur: Malaysia menyumbang kira-kira 73,098 tan metrik sisa plastik ke lautan setiap tahun, menjadikan negara ini antara penyumbang tertinggi pencemaran plastik lautan di peringkat global sekali gus berisiko memberi kesan secara langsung kepada sektor perikanan negara.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia Datuk Adnan Hussien berkata, tinjauan lapangan di pantai-pantai di Malaysia merekodkan antara 64 hingga 1,930 keping serpihan plastik bagi setiap meter persegi termasuk botol, beg plastik, bekas makanan dan peralatan tangkapan ikan yang dibuang.

Menurutnya, lambakan sampah yang dibuang dan dihanyutkan ke perairan negara akan menjadi ancaman serius kepada nelayan kerana bekalan ikan dan hasil tangkapan nelayan berisiko merosot.

"Ia akan memusnahkan habitat pembiakan kerana sisa plastik yang mendap di dasar laut merosakkan terumbu karang serta kawasan rumput laut yang menjadi tempat pembiakan dan perlindungan spesies ikan komersial.

"Malaysia yang berada dalam kawasan Segitiga Terumbu Karang merekodkan lebih 83 peratus

73,098 tan metrik sisa plastik ke lautan setiap tahun

spesies terumbu karang dunia, namun kerosakan habitat itu akan menjejaskan keupayaan pembiakan ikan secara langsung.

"Selain itu, peralatan penangkapan ikan yang ditinggalkan, hilang atau dibuang termasuk 'pukat hantu' turut menyumbang kepada masalah ini.

"Di peringkat global, dianggarkan sebanyak 640,000 tan peralatan sebegini memasuki lautan setiap tahun, terus memerangkap ikan dan hidupan marin lain secara tidak terkawal," katanya.

Menurutnya, Laporan Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP) menganggarkan kerugian akibat sisa plastik marin di rantau Asia-Pasifik mencecah kira-kira RM5.2 bilion setahun, dengan sektor perikanan sahaja mengalami kerugian sebanyak RM600 juta setahun di peringkat global.

"Dalam masa sama, ne-

layan tempatan berdepan cabaran operasi yang semakin sukar apabila pukat mereka kerap dipenuhi sampah plastik. Situasi itu bukan sahaja menjejaskan kualiti tangkapan, malah merosakkan peralatan dan meningkatkan kos operasi harian," katanya.

Beliau berkata, dianggarkan 100,000 mamalia marin terkorban setiap tahun akibat pencemaran plastik, sama ada melalui tertelan atau terjerat dalam sisa plastik di peringkat global.

Katanya, berdasarkan laporan Kesatuan Antarabangsa bagi Pemuliharaan Alam Semula Jadi (IUCN), pencemaran plastik marin menjejaskan sekurang-kurangnya 267 spesies marin secara keseluruhan.

"Di perairan Malaysia sendiri, kes yang didokumentasikan termasuk pendamparan seekor ikan paus Sei dan seekor ikan paus Baleen di Johor pada 2016," katanya.

"Sisa plastik yang mendap di dasar laut merosakkan terumbu karang"

Adnan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2026	HARIAN METRO	LOKAL	3

Usaha tangani pencemaran terus diperhebat

Kuala Lumpur: Jabatan Perikanan Malaysia melaksanakan pendekatan menyeluruh merangkumi penyelidikan saintifik, pengurusan kawasan perlindungan marin dan penguatkuasaan dasar sedia ada bagi menangani isu pencemaran plastik terus berlarutan di perairan negara.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia Datuk Adnan Hussien berkata, pihaknya melalui Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Batu Maung, Pulau Pinang menjalankan program penyelidikan yang konsisten dan berterusan berkaitan pencemaran plastik dan mikroplastik di perairan negara.

Menurutnya, penyelidikan dijalankan di kawasan Taman Laut seperti Pulau Payar, Pulau Redang, kawasan pembiakan ikan serta kawasan tangkapan nelayan di sepanjang perairan Selat Melaka dan Laut China Selatan.

Katanya, kajian turut merangkumi kedua-dua sampel persekitaran iaitu air permukaan dan sedi-

men serta sampel biota iaitu ikan komersial dan organisma marin lain bagi menilai tahap pencemaran serta kesannya terhadap rantaian makanan marin serta dan potensi risiko kepada pengguna.

“Selain itu, kami turut menjalankan tinjauan sisa marin secara berkala di kawasan pantai dan perairan negara selain tinjauan peralatan tangkapan ikan yang hilang, ditinggal, atau dibuang (ALDFG) bagi menilai kesan terhadap ekosistem marin dan hidupan laut.

“Dapatan program penyelidikan itu menyumbang kepada peningkatan 40 peratus aktiviti pembersihan pantai sukarela serta peningkatan 50 peratus kefahaman awam mengenai isu pencemaran plastik,” katanya.

Adnan berkata, sebanyak 45 pulau digazetkan sebagai Taman Laut di bawah Akta Perikanan 1985 membabitkan 13 pulau di perairan Terengganu, Pahang (9), Johor (13), Kedah (4), Melaka (3) dan Labuan (3).

“Kawasan itu dizonkan sejauh dua batu nautika daripada tikas (tanda paras air di pantai) air surut rendah. Ia membabitkan langkah khusus termasuk larangan penggunaan plastik di kawasan taman laut serta pelaksanaan konsep ‘Bawa Balik Sampah Anda’ bagi memastikan pengunjung membawa pulang sisa masing-masing,” katanya.



KADA naik taraf pam air tangani gangguan bekalan padi

PETALING JAYA: Usaha menaik taraf kemudahan pam air bagi menyedut air sungai ke kawasan bendang dikenal pasti antara pendekatan dalam menangani isu kemarau yang menjejaskan pengeluaran padi negara.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Khalid Abdul Samad berkata, langkah itu penting bagi memastikan bekalan air ke kawasan sawah tidak terjejas terutama ketika musim kemarau berpanjangan.

Katanya, projek naik taraf itu

dilakukan susulan paras air sungai yang menurun akibat cuaca kemarau berpanjangan.

"Selain itu, kerja penyelenggaran panit serta pembaikan sistem pengaliran turut dilaksanakan secara berperingkat.

"Usaha tersebut penting bagi memastikan bekalan air ke kawasan sawah tidak terjejas sepanjang musim penanaman padi.

"Perancangan ini amat penting bagi memastikan pesawah dan pengusaha tempatan terus dapat menjalankan aktiviti pe-

nanaman padi dengan lebih stabil serta tidak terjejas dan dapat mengurangkan kebergantungan kepada import," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Semalam akhbar ini melaporkan, lebih 60,000 pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan sekitarnya menarik nafas lega atas pengumuman kerajaan menaikkan kadar Insentif Pembajaan kepada Pesawah (IPKP) ke-300 bagi meringankan beban kos pengeluaran padi.

Tambah Khalid, baja berasas-

kan *growth enhancer* juga merupakan aspek penting yang diusahakan KADA bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi negara secara lebih mampan dalam menangani krisis tenaga susulan konflik di Asia Barat.

Katanya, penggunaan model pertanian itu mampu merangsang pertumbuhan tanaman supaya lebih cepat, sihat, dan berpotensi hasil lebih tinggi.

"Semua usaha tersebut merupakan strategi jangka panjang bagi memastikan industri padi negara kekal mampan walaupun

berdepan cabaran cuaca tidak menentu.

"Kita menyarankan peningkatan hasil padi kepada enam tan sehektar dengan perancangan jangka panjang menjelang tahun 2030 untuk mencapai sehingga 10 tan sehektar.

"Usaha tersebut dilaksanakan melalui penambahbaikan *growth enhancer* serta teknik penanaman moden termasuk penggunaan mesin penanam padi atau *transplanter* bagi meningkatkan kecekapan dan hasil pengeluaran," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2026	HARIAN METRO	LOKAL	3

Kuala Lumpur: Pencemaran sampah di laut didakwa semakin serius sejak lima tahun ini sekali gus berisiko menyebabkan hasil tangkapan nelayan semakin berkurangan, malah lebih mengecewakan hasil jaring mereka kini didakwa 'diganti' dengan timbunan sampah plastik.



Hasil tangkapan nelayan makin merosot

Timbalan Pengerusi Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (Jaring) Mohd Faizal Mohd Zabri berkata, itu realiti pahit yang dilalui nelayan tempatan susulan isu lambakan sampah di laut dilihat berada pada tahap serius dan membimbangkan.

Dia berpengalaman sebagai nelayan sejak 20 tahun lalu mengakui isu sampah bukan perkara baharu dan ia sudah berlaku sejak sekian lama, namun mendakwa ia semakin 'kritikal'

sejak lima tahun lalu.

Menurutnya, pencemaran sampah termasuk sisa plastik, kayu, peralatan perikanan yang dibuang di lautan menyebabkan nelayan bukan saja pulang dengan hasil mengecewakan, malah ada yang terpaksa menanggung kerugian apabila peralatan rosak.

"Saya akui sejak dahulu sampah memang ada di laut namun tidak seperti sekarang. Isu ini berlaku di perairan seluruh negara kita dan bukan saja di kawasan saya di Pulau Pinang, malah rakan di Kedah dan Perak juga pernah bercerita kea-

daan yang sama.

"Ada nelayan kadang-kadang dapat ikan seekor saja, selebihnya semua sampah terutama plastik, terbaru kira-kira tiga minggu lalu ada nelayan di Tanjung Dawai, Kedah hanya dapat seekor ikan pari.

"Selebihnya hanya plastik yang masuk jaring sedangkan kawasan itu sebelum ini banyak ikan pari. Kalau banyak sangat sampah plastik dan kayu masuk jaring juga boleh menyebabkan jaring rosak, malah ada yang terpaksa dipotong terus," katanya kepada Harian Metro.

Mohd Faizal berkata, kesan lebih membimbangkan adalah terhadap hidupan marin apabila plastik yang terurai menjadi makroplastik dimakan oleh ikan dan ia turut menjejaskan kesihatan manusia yang memakan ikan itu.

Katanya, pencemaran itu turut menjejaskan habitat pembiakan apabila dasar laut dipenuhi sisa buangan hingga ikan tiada tempat untuk bertelur apabila dasar laut dipenuhi plastik.

"Kami pernah terjumpa sampah seperti botol bukan dari negara kita dan tidak mustahil ia mungkin dihayutkan dari perairan luar atau pembuangan sampah dari kapal luar," katanya.

Mohon kad fleet bagi semua jentera pertanian padi

SUNGAI PETANI – Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSawah) memohon agar semua jenis jentera pertanian padi dimasukkan ke dalam Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) bagi membolehkan pesawah memiliki kad fleet.

Pengerusinya, Abdul Rashid Yob berkata, mekanisme itu adalah langkah paling praktikal untuk memastikan subsidi sampai secara langsung kepada pengguna jentera di bendang.

"Saranan kami untuk perhatian Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta Kementerian Kewangan dan agensi berkaitan adalah wujudkan satu kumpulan baharu di bawah SKDS melibatkan jentera-jentera tanaman padi.

"Antaranya mesin padi, traktor pembajak, mesin pembajak kecil seperti jentani atau kubota serta pam air yang menggunakan diesel. Kami mohon permudahkan juga syarat bantuan subsidi diesel," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Jelas Abdul Rashid, syarat-syarat ketat yang ditetapkan ke-

tika ini dilihat hampir mustahil untuk dipenuhi oleh kebanyakan pesawah kecil berbanding diperudahkan dengan pengesahan jentera yang lebih praktikal seperti pengesahan penghulu, Pertubuhan Peleadang Kawasan atau melalui kad subsidi.

Selain itu, kata beliau, penyesuaian harga lantai padi adalah penyelesaian jangka masa panjang kerana harga semasa RM1,500 per metrik tan sudah tidak lagi relevan dengan kos sara hidup dan kos input pertanian yang melambung tinggi.

"Jika harga ini dikekalkan, pesawah akan terus berdepan kerugian, kami cadang kerajaan naikkan harga lantai padi kepada RM3,000 per metrik tan. Kenalannya amat perlu bagi membolehkan pesawah memperoleh margin keuntungan yang munasabah.

"Jika harga lantai padi dimaikan, insentif pembajakan boleh dihapuskan dan disalurkan kepada subsidi Beras Putih Tempatan sekiranya kerajaan masih mahu kekal harga kawalan RM2.60 sekilogram kepada pengguna," katanya.



ABDUL RASHID (empat dari kanan) bersama sebahagian pesawah dan pengusaha jentera pertanian pada sidang akhbar di Taman Ria, Sungai Petani semalam.

Kenaikan insentif IPKP tidak memadai, pesawah tuntutan kad fleet

Oleh MUHAMMAD AIMY AHMAD
utusannews@mediamail.com.my

SUNGAI PETANI: Kajian dilakukan Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) mendapati kenaikan insentif Pembajaan Kepada Pesawah (IPKP) kepada RM300 sehektar masih tidak memadai.

Pengerusinya, Abdul Rashid Yob berkata, meskipun berlaku penambahan sebanyak RM140, realiti yang dihadapi petani masih sama iaitu kenaikan kos operasi terutama melibatkan harga diesel.

Katanya, IPKP juga bukan penyelesaian sebenar untuk mengimbangi kos yang meningkat naik ekoran krisis tenaga global sekarang.

“Berdasarkan penelitian mendalam dan rintihan daripada para pesawah di lapangan, kami menegaskan bahawa penyelesaian yang ditawarkan adalah tidak memadai dan tidak



ABDUL RASHID YOB (tengah) bersama sebahagian pesawah dan pengusaha jentera pertanian pada sidang akhbar di Taman Ria, Sungai Petani, Kedah, semalam.

bersifat menyeluruh. “Penambahan kepada RM300 per hektar untuk insentif pembajaan tidak memberi apa-apa makna kerana pengusahaha-

pengusaha jentera masih perlu membeli diesel pada harga semasa tanpa subsidi yang menyebabkan mereka menaikkan kos upah kepada pesawah men-

jadi tinggi.

“Apatah lagi pembayarannya tidak konsisten sepertimana berlaku semasa penyasaran diesel dahulu apabila pengusaha dan pesawah terbeban kerana terpaksa menanggung kos sendiri sehingga bertunggang tiga musim ke musim lain,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Abdul Rashid berkata, pihaknya menuntut agar semua jenis jentera pertanian padi dimasukkan ke dalam Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) bagi membolehkan pesawah memiliki kad fleet.

Katanya, mekanisme itu adalah langkah paling praktikal untuk memastikan subsidi sampai secara langsung kepada pengguna jentera di bendang.

“Saranan kami adalah wujudkan satu kumpulan baharu di bawah SKDS melibatkan jentera-jentera tanaman padi.

“Antaranya mesin padi, trak-

tor pembajak, mesin pembajak kecil seperti jentani atau kubota serta pam air yang menggunakan diesel. Kami mohon permudahkan juga syarat bantuan subsidi diesel,” katanya.

Menurutnya, syarat-syarat ketat yang ditetapkan ketika ini dilihat hampir mustahil untuk dipenuhi oleh kebanyakan pesawah kecil berbanding diperudahkan dengan pengesahan jentera yang lebih praktikal seperti pengesahan penghulu, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) atau melalui kad subsidi.

Sementara itu, ujar beliau, penyalaraan harga lantai padi adalah penyelesaian jangka panjang kerana harga semasa RM1,500 per metrik tan sudah tidak lagi relevan.

“Kami cadang kerajaan naikkan harga lantai padi kepada RM3,000 per metrik tan. Ia perlu bagi membolehkan pesawah memperoleh margin keuntungan yang munasabah,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2026	NEW STRAITS TIMES	NATION	3

RM130.4m ALLOCATION

Selangor unveils first phase of economic package

SHAH ALAM: The state government yesterday unveiled the first phase of its economic package involving a RM130.42 million allocation to mitigate the economic impact of the Middle East crisis.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said yesterday the "Pengukuhan Daya Tahan Selangor" package was aimed at strengthening food security, easing the cost of living and preventing excessive inflation.

"Allocation for the Jelajah Ehsan Rahmah programme, through the Selangor Agricultural Development Corporation, has been increased by RM5 million to RM10 million this year.

"This is expected to benefit 168,000 low-income households," he said.

To ensure sufficient food supplies, the state government will allocate RM50 million for the Selangor Food Warehouse initiative, with RM25 million from state funds and the balance from the corporation's reserves.

The state government has also allocated RM30 million for the Kita Selangor voucher programme, which provides RM100 monthly for six months to 50,000 people.

All 12 local authorities will also provide free breakfast at all 873 schools in the state.

To encourage the use of public transport, 50,000 residents will receive RM30 monthly for six months to be used for Demand-Responsive Transit, buses or trains.

For the primary sector, RM25 million has been set aside to cover agricultural input costs or diesel prices. This will benefit 17,237 padi farmers, fishermen, livestock breeders and aquaculture operators. They will receive RM300 to RM600 monthly for six months.

Another RM6 million has been allocated to empower entrepreneurs in the retail and logistics sectors, including development grants for cooperatives

through Koperasi Warga Hijrah.

"Even if the conflict subsides, the recovery of the crude oil, gas, fertiliser, sulphur and helium ecosystems — all of which are critical to Selangor's industries — is expected to take at least a year to return to pre-war production levels," he said.

Meanwhile, Amirudin said the state government would revise its 2026 budget, with a focus on addressing the rising cost of living, providing aid to affected people, supporting industries and accelerating the transition to renewable energy.

It has established the Selangor Energy Crisis Task Force, chaired by former Bank Negara Malaysia governor Tan Sri Muhammad Ibrahim. Its members include Malaysian Inclusive Development and Advancement Institute director Professor Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali and former Maybank Islamic Bhd chief executive officer Datuk Mohamed Rafique Merican.

Kerajaan Terengganu umum moratorium SPMT 12 bulan buat petani, nelayan

KUALA TERENGGANU

Kerajaan Terengganu mengumumkan pemberian moratorium penangguhan bayaran balik pinjaman di bawah Skim Pinjaman Modal Tani (SPMT) selama 12 bulan bermula Mei ini.

Inisiatif tersebut diputuskan menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Induk SPMT sebagai langkah proaktif membantu warga tani, penternak serta nelayan yang kini terhimpit dengan situasi krisis global.

Pengerusi Jawatankuasa Induk SPMT, Datuk Dr Azman Ibrahim berkata, kerajaan negeri amat prihatin dengan cabaran ekonomi yang sedang melanda kumpulan sasar tersebut pada masa kini.

"Pemberian moratorium ini akan me-

libatkan tanggungan kewangan sebanyak kira-kira RM2.9 juta di pihak kerajaan negeri.

"Langkah ini diharapkan dapat memberi sedikit ruang dan nafas buat para peminjam dalam menguruskan kewangan mereka ketika menghadapi ketidakpastian ekonomi dunia," katanya dalam kenyataannya di sini.

Bellau yang juga Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Kementerian Makanan dan Komoditi negeri menjelaskan, penangguhan selama setahun itu diberikan secara menyeluruh kepada semua peminjam di bawah skim berkenaan.

Dalam pada itu, Azman memaklumkan semua peminjam yang terlibat tidak perlu gusar kerana pihak pengurusan akan meng-



AZMAN

INFO

- Kerajaan Terengganu mengumumkan pemberian moratorium penangguhan bayaran balik pinjaman di bawah Skim Pinjaman Modal Tani selama 12 bulan bermula Mei ini, bagi membantu warga tani, penternak serta nelayan yang kini terhimpit dengan situasi krisis global.
- Penangguhan selama setahun itu diberikan secara menyeluruh kepada semua peminjam di bawah skim berkenaan.

uruskan proses dokumentasi tersebut dalam masa terdekat.

"Semua peminjam akan dihubungi oleh Urusetia SPMT untuk urusan selanjutnya berkaitan proses penangguhan ini," ujar beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	5

Melaka bakal perkenal tiga inisiatif ringankan beban rakyat

Tiga inisiatif bantuan Kerajaan Negeri Melaka

1 Pemberian subsidi kepada pesawah sebanyak RM30 bagi setiap ekar, untuk menampung peningkatan kos jentera seperti membajak dan menuai yang meningkat antara 46 hingga 48 peratus.

2 Rancang menyalurkan bantuan secara sekali beri antara RM200 hingga RM500 kepada petani kecil yang aktif dan berdaftar dengan FAMA.

3 Setuju melaksanakan pengecualian bayaran LPS selama setahun, kepada petani dan penternak yang menggunakan tanah kerajaan.

MELAKA - Kerajaan Negeri Melaka bakal memperkenalkan tiga inisiatif bagi membantu meringankan beban pesawah, petani dan penternak susulan peningkatan kos operasi, khususnya akibat kenaikan harga diesel.

Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Datuk Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, antara langkah tersebut ialah pemberian subsidi kepada pesawah sebanyak RM30 bagi setiap ekar, untuk menampung peningkatan kos jentera seperti membajak dan menuai yang meningkat antara 46 hingga 48 peratus.

"Peningkatan harga diesel memberi kesan langsung kepada kos operasi pesawah khususnya penggunaan jentera, justeru kerajaan negeri mengambil langkah proaktif dengan memberikan subsidi bagi mengurangkan beban mereka.

"Langkah ini dijangka memberi manfaat kepada pesawah yang mengusahakan hampir 1,214 hektar sawah di negeri ini," katanya kepada pemberita di sini pada Khamis.

Dr Muhamad Akmal berkata, kerajaan negeri turut merancang menyalurkan bantuan secara sekali beri antara RM200 hingga RM500 kepada petani kecil yang aktif dan berdaftar



DR MUHAMAD AKMAL

dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Beliau berkata bantuan itu, menyasarkan kira-kira 200 petani kecil yang tidak layak menerima subsidi diesel sedia ada, kerana tidak memenuhi syarat seperti had pendapatan tahunan.

"Melalui FAMA, kita akan mengenal pasti petani kecil yang benar-benar aktif tetapi tidak menerima bantuan sebelum ini dan menyalurkan subsidi diesel secara sekali beri bagi membantu kelangsungan operasi mereka," katanya.

Sementara itu, Dr Muhamad Akmal berkata, kerajaan negeri juga bersetuju melaksanakan pengecualian bayaran Lesen Pendudukan Sementara (LPS) selama setahun, kepada petani dan penternak yang menggunakan tanah kerajaan.

Beliau berkata, langkah itu dapat mengurangkan beban kewangan golongan berkenaan yang sebelum ini terpaksa menanggung kos tinggi bagi aktiviti penternakan dan pertanian.

"Inisiatif ini dijangka mula dilaksanakan selewat-lewatnya Mei ini, selepas semua proses kelulusan selesai termasuk pembentangan kertas cadangan dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)," katanya. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2026	HARIAN METRO	LOKAL	18

Oleh Azizi Majid
am@hmetro.com.my

Kota Tinggi

“Dahulu kami mampu dapat sehingga RM300 sehari. Tapi kini nak dapat RM30 pun susah. Kos operasi dan bahan api pun semakin meningkat. Mungkin kami tidak dapat lagi turun ke laut jika keadaan ini berterusan,” luah nelayan Sahri Salam, 52.

Dia berkongsi nasib menimpa kira-kira 700 nelayan berdaftar dan beroperasi di 15 pangkalan nelayan sekitar Pengerang, di sini.

Sahri yang sudah lebih 30 tahun mengabdikan diri di laut berkata, pelbagai dilema dihadapi nelayan tradisional di kawasan itu sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

“Faktor pembangunan sekitar kawasan Pengerang dan projek tambakan dari negara jiran memberi kesan kepada ekosistem hidupan laut khususnya terumbu karang hingga menjejaskan pembiakan ikan.

“Jika dahulu, saya boleh

‘Nak dapat RM30 sehari pun susah’

Nelayan di Pengerang bimbang pendapatan kian menurun susulan berdepan pelbagai isu

dapat banyak ikan seperti kerapu, unga dan pari. Namun kini sukar untuk mendapat ikan itu lagi di perairan Pengerang,” katanya ketika ditemui di Jeti Nelayan Sungai Musoh, Pengerang di sini, semalam.

Sahri berkata, kenaikan harga petrol dan diesel turut memberi kesan kepada kegiatan nelayan memandangkan ada yang tidak menerima subsidi kerajaan kerana tidak berdaftar dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) atas kekangan tertentu.

“Bagi nelayan yang tiada subsidi, mereka terpaksa

beli petrol pada harga pasaran. Jika dahulu, mereka perlu membelanjakan RM50 ringgit untuk membeli petrol setiap kali mahu turun ke laut, namun kini ia meningkat kepada RM80.

“Itu belum lagi kos peralatan lain seperti jaring dan tong meletak ikan. Apabila rosak, ia perlu diganti baharu dan kosnya bukan murah,” katanya.

Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Kawasan Pengerang, Mohamad Jaafar, 53, berkata, selain kos operasi dan bahan api, nelayan di kawasan itu tu-

rut berdepan masalah dengan pihak berkuasa Singapura.

Katanya, ini selepas nelayan dan pemancing yang kebiasaannya mencari ikan berhampiran Pulau Batu Puteh dihalang pihak berkuasa republik itu meskipun masih berada dalam sempadan perairan negara.

“Kebanyakan daripada kami adalah nelayan tradisional bergerak. Bot kami tidak dipasang dengan alat peranti sistem kedudukan sejagat (GPS) dan kebiasaannya kami bergantung pada aliran air laut,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	2

Minda

Pengarang



Perlu proaktif hadapi lonjakan harga beras, elak 'lagu lama' berulang

Lonjakan harga beras di Asia susulan peningkatan kos bahan api, baja dan gangguan rantaian bekalan akibat konflik geopolitik di Asia Barat serta penutupan laluan Selat Hormuz perlu diberikan perhatian serius oleh kerajaan kerana ia bukan sekadar isu pasaran serantau, sebaliknya berpotensi menjadi gelombang tekanan baharu kepada keterjaminan makanan negara. Kenaikan 10 peratus harga beras putih Thailand yang selama ini menjadi penanda aras serantau misalnya, memberi isyarat awal bahawa kos *input* meningkat dan faktor cuaca, seperti musim kering boleh menjejaskan pengeluaran, sekali gus mengurangkan bekalan dalam tempoh mendatang.

Tanpa menafikan langkah proaktif kerajaan mempertingkat insentif kepada pesawah, termasuk kenaikan Insentif Pembajakan kepada Pesawah (IPKP) serta bantuan diesel dan BUDI Agri-Komoditi, selain jaminan bekalan makanan asas negara kekal stabil dalam jangka terdekat, usaha itu belum mencukupi untuk meredakan kebimbangan yang lebih besar. Hakikatnya, kerajaan tidak boleh berpuas hati dengan jaminan semasa kerana tekanan sebenar sedang terbina pada peringkat kos pengeluaran yang akhirnya akan diterjemahkan kepada harga pengguna.

Pengalaman krisis bekalan beras sebelum ini wajar dijadikan pengajaran oleh pihak berwajib. Ketika itu, pelbagai langkah diumumkan dan dilaksanakan, namun ia masih gagal mengelakkan kegusaran rakyat apabila beras tempatan 'hilang' di pasaran, harga melonjak dan pelbagai pihak dalam rantaian bekalan saling menuding jari. Keadaan itu menunjukkan pendekatan bersifat *ad hoc* atau reaktif tidak memadai dalam menangani isu yang menyentuh soal keselamatan makanan negara.

Dalam konteks semasa, beberapa petunjuk awal sudah jelas kelihatan. Kebergantungan negara kepada import baja tinggi, selain jangkaan kenaikan harga makanan ternakan serta kos tenaga yang merangkumi sebahagian besar *input* pertanian, menunjukkan tekanan kos tidak boleh dipandang ringan. Jika tidak ditangani secara menyeluruh, situasi ini berpotensi mencetuskan kesan berantai daripada peringkat pengeluaran hingga ke pengguna.

Justeru, kerajaan perlu bertindak lebih awal dengan pendekatan menyeluruh dan merentas kementerian serta agensi. Pertama, pemantauan rantaian bekalan perlu diperkukuh secara masa sebenar untuk mengesan sebarang gangguan atau manipulasi, termasuk kemungkinan ketirisan atau kegiatan menyorok bekalan. Kedua, dasar berkaitan sektor padi dan beras perlu dipercepatkan dengan mengambil kira semua pemegang taruh daripada pesawah, pengilang hingga peruncit supaya tidak wujud lagi 'lagu lama' salah-menyalah setiap kali krisis berlaku. Ketiga, usaha mengurangkan kebergantungan kepada *input* import seperti baja perlu dipertingkatkan melalui pembangunan sumber domestik dan inovasi pertanian. Keempat, kerajaan perlu memastikan komunikasi kepada rakyat lebih telus dan konsisten bagi mengelakkan panik yang boleh memburukkan keadaan pasaran.

Hakikatnya, isu beras bukan sekadar soal harga atau bekalan, tetapi membabitkan periuk nasi rakyat dan kestabilan negara untuk jangka panjang. Justeru, sebarang isyarat awal seperti lonjakan harga pada peringkat serantau tidak boleh dipandang ringan. Jika kita gagal mengambil pengajaran daripada krisis lalu, tidak mustahil episod sama akan berulang, tetapi dalam skala lebih besar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	2

Suhaiti bermula dari reban kecil belakang rumah

ALOR GAJAH: Di sebalik deretan reban di sebuah ladang kecil, tersimpan kisah cecal seorang wanita yang bermula hanya dengan minat dan keperluan sendiri, sebelum bangkit menjadi antara penternak ayam kampung saga yang berjaya.

Suhaiti Ariffin, 53, dari Kampung Gadek dekat sini berkata, segalanya bermula kira-kira sedekad lalu apabila dia bersama lima rakannya sekadar mencuba membela ayam kampung untuk kegunaan sendiri ketika harga ayam meningkat di pasaran.

Dia bermula dengan 500 ekor dan reban kecil di belakang rumah yang mana usaha itu dilakukan sederhana tanpa jangkauan besar.

Katanya, dia mengikuti kursus Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang memperkenalkan baka ayam kampung premium atau ayam kampung saga untuk memperkasa sosioekonomi penduduk.

“Pada masa itu, kami hanya mahu pastikan ada bekalan ayam untuk makan sendiri. Tidak sangka pula ia berkembang sejauh ini.

“Ladang saya kini mampu menampung lebih 2,000 ekor ayam bagi setiap pusingan dengan kemudahan beberapa reban termasuk sebuah reban



SUHAITI Ariffin menunjukkan ayam kampung saga yang ditenaknya di Kampung Gadek, Alor Gajah, Melaka. - UTUSAN/AMRAN MULUP

utama berskala besar,” katanya ketika ditemui.

Suhaiti berkata, usaha itu akhirnya membuka peluang lebih besar apabila dia terpilih menyertai program pembangunan ayam kampung saga di bawah bimbingan MARDI.

Katanya, ayam kampung saga mendapat permintaan tinggi kerana tempoh pembesarannya lebih singkat iaitu sekitar tiga bulan, selain saiz yang boleh mencecah sehingga dua kilogram.

Ujarnya, sejak detik itu dia memperbesarkan operasi penternakan secara lebih tersusun dan komersial.

Katanya, selain menjual ayam hidup pada harga RM17 sekilogram dan ayam yang telah diproses sekitar RM23 sekilogram, dia turut mempelbagai produk bagi meningkatkan nilai pasaran.

“Antara produk yang dihasilkan termasuk ayam salai, ayam sejuk beku serta telur ayam kampung,” ujarnya.